



## SIARAN MEDIA

---

### **KENYATAAN MENGENAI BELANJAWAN 2024 KOMITED UNTUK MENINGKATKAN KESIAPSIAGAAN TERHADAP ANCAMAN DAN SERANGAN SIBER**

**CYBERJAYA (14 Oktober 2023)** – CyberSecurity Malaysia mengucapkan tahniah kepada YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri, atas pembentangan Belanjawan 2024 yang berlangsung pada 13 Oktober 2023. Kami juga menyambut baik kenyataan YB Fahmi Fadzil, Menteri Komunikasi dan Digital, yang disiarkan pada 14 Oktober 2023.

“CyberSecurity Malaysia menerima peruntukan sebanyak RM60 juta untuk melaksanakan Pembangunan Rangka Kerja Pengujian Keselamatan Siber 5G serta Kepakaran Tempatan Terhadap Teknologi 5G yang merangkumi skop perkakasan, peralatan, aplikasi dan ekosistem teknologi termaju. Inisiatif ini dijangka memberi manfaat kepada lebih 120 organisasi yang terdiri daripada pihak kerajaan, industri, akademik, dan penyedia perkhidmatan mudah alih, serta 800 profesional keselamatan siber yang telah menjalani latihan dalam perkhidmatan pengujian keselamatan 5G.” kata Dato’ Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia.

Beliau turut menegaskan bahawa CyberSecurity Malaysia komited untuk meningkatkan kesiapsiagaan terhadap ancaman dan serangan siber dengan memantapkan lagi prasarana pemantauan, pengesanan dan pelaporan ancaman siber, membangun keupayaan sistem forensik siber negara, memperteguhkan modal insan etika siber, memperluaskan pensijilan keselamatan digital dan privasi, membina keupayaan penilaian dan pengujian keselamatan siber serta memperkasa keselamatan siber dalam sektor perusahaan kecil dan sederhana.

“Peruntukan ini mencerminkan keseriusan Kerajaan dalam memperkukuhkan sistem pertahanan negara daripada ancaman dan serangan siber serta memastikan bahawa kita sentiasa berada di hadapan untuk melindungi infrastruktur dan maklumat penting demi keselamatan dan kesejahteraan negara selain mengukuhkan kelestarian bidang keselamatan siber.”

Sebagai pusat pakar dan agensi teknikal, CyberSecurity Malaysia akan memanfaatkan sepenuhnya peruntukan tersebut untuk memperkuat keupayaan teknikal, menjalankan penyelidikan, memperkasa inisiatif dan program keselamatan siber yang bersifat preventif, proaktif, dan responsif melalui projek-projek yang dikenal pasti demi mengukuhkan ekosistem keselamatan siber negara selari matlamat membangun Malaysia MADANI.

---

Dikeluarkan oleh:  
**Jabatan Outreach & Komunikasi Korporat**  
**CyberSecurity Malaysia**  
**media@cybersecurity.my**